

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1988/89

Mac/April 1989

MAT220 - Persamaan Pembezaan I

Masa: [3 jam]

---

Jawab SEMUA soalan.

1. (a) Selesaikan persamaan

$$\frac{dy}{dx} = - \frac{2xy + 24x}{x^2 + 16}$$

dengan menganggapnya sebagai suatu persamaan

- (i) jenis pembolehubah terpisahkan;
- (ii) linear;
- (iii) tepat.

[Nota: Selesaikan persamaan tersebut 3 kali dengan menggunakan 3 cara di atas masing-masing.]

(60/100)

(b) Selesaikan persamaan Riccati

$$y' = - \frac{1}{x^2} - \frac{y}{x} + y^2 .$$

[Petunjuk:  $y = \frac{1}{x}$  adalah suatu penyelesaian.]

(20/100)

(c) Carikan penyelesaian singular bagi persamaan Clairaut

$$y = xy' + \frac{y'}{y' + 1} .$$

(20/100)

.../2

2. (a) Carikan penyelesaian am bagi

$$2y'' + 3y' + y = x^2 + 3 \sin x .$$

(40/100)

(b) Pertimbangkan persamaan

$$y'' + f(x)y' + g(x)y = 0 .$$

Jika koefisien-koefisien  $f(x)$  dan  $g(x)$  berselanjur pada selang I, tunjukkan bahawa persamaan ini mempunyai dua penyelesaian  $\phi_1(x)$  dan  $\phi_2(x)$  yang tak bersandar secara linear pada I, dan setiap penyelesaiannya boleh ditulis dalam bentuk  $\phi(x) = c_1\phi_1(x) + c_2\phi_2(x)$  di mana  $c_1, c_2$  adalah pemalar.

(60/100)

3. (a) Misalkan  $y_1 = 3e^x + e^{x^2}$ ,  $y_2 = 7e^x + e^{x^2}$  dan  $y_3 = 5e^x + e^{-x^2} + e^{x^2}$  merupakan tiga penyelesaian bagi persamaan

$$y'' + f(x)y' + g(x)y = r(x) .$$

Selesaikan masalah nilai awal

$$y'' + f(x)y' + g(x)y = r(x); \quad y(0) = 1, \quad y'(0) = 2 .$$

(40/100)

(b) Pertimbangkan persamaan

$$(x^2 + x)y'' + (2 - x^2)y' - (2 - x)y = 0 .$$

- (i) Tunjukkan bahawa  $y = e^x$  adalah suatu penyelesaian bagi persamaan di atas.
- (ii) Dengan menggunakan kaedah penurunan peringkat, dapatkan penyelesaian kedua yang tak bersandar secara linear dengan penyelesaian di atas.
- (iii) Seterusnya, dengan menggunakan kaedah perubahan parameter, carikan penyelesaian am bagi

$$(x^2 + x)y'' + (2 - x^2)y' - (2 - x)y = (x + 1)^2 .$$

(60/100)

.../3

4. (a) Carikan penyelesaian am bagi

$$P(x, y)dx + Q(x, y)dy = 0$$

jika ia mempunyai dua faktor pengamir  $F_1(x, y) = xy^2$  dan  
 $F_2(x, y) = x^2y$ .

(20/100)

(b) Selesaikan

$$y'' + y' = 0; \quad y(0) = 0, \quad y'(0) = 1, \quad y''(0) = 2.$$

(20/100)

(c) Carikan penyelesaian am bagi sistem

$$\underline{\underline{x}}'(t) = A\underline{\underline{x}}(t)$$

di mana

$$A = \begin{pmatrix} 1 & -1 & 4 \\ 3 & 2 & -1 \\ 2 & 1 & -1 \end{pmatrix} .$$

(60/100)

- 00000000 -